

28 OCT 1999

Mahkamah-Anwar (Daim)

DAIM MARAH BILA KUMPULAN NSTP DIAMBILALIH, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu Mahkamah Tinggi hari ini bahawa Tun Daim Zainuddin marah apabila beliau terlibat dalam usaha mengambilalih kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP),

Anwar berkata, beliau mengalami masalah besar dengan Daim berhubung penguasaan terhadap syarikat itu setelah diminta oleh Perdana Menteri supaya mengosahkan pembebasan kumpulan itu daripada kelompok yang menguasainya pada ketika itu.

"Yang Arif, ini melibatkan usaha manipulasi kumpulan media terbesar negara yang pada masa itu dikuasai oleh kumpulan korporat di bawah Tun Daim. Saya diminta berbincang dengan kumpulan pengarang kumpulan NST untuk mengambilalih syarikat itu daripada kelompok di bawah Tun Daim," katanya ketika disoal peguam utamanya, Christopher Fernando.

Daim yang ketika itu tidak memegang jawatan dalam kabinet, kini adalah menteri kewangan pertama.

Anwar, 52, bekas Timbalan Perdana Menteri dan bekas Menteri Kewangan, memberi keterangan itu pada hari kelima beliau membela diri pada perbicaraan kes liwatnya yang masuk hari ke-67 hari ini.

Anwar dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 38, sedang menghadapi dakwaan meliwat Azizan Abu Bakar, 39, di apartmen sukma di Tivoli Villa, Bangsar di sini, pada suatu malam, pukul 7.45, antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, juga dituduh bersubahat dengan Anwar untuk meliwat Azizan, bekas pemandu peribadi isteri Anwar di tempat dan pada masa yang sama.

Anwar berkata syarikat itu akhirnya diasaskan atas nama syarikat Real Mild dengan 70 peratus saham dipegang oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan berfungsi di bawah MRCB manakala saham yang selebihnya diagihkan kepada empat pengarang dan pengurus syarikat berkenaan.

"Tun Daim tentulah marah dan menganggap saya yang menguasai syarikat NST pada hal kenyataannya ialah ia dipegang oleh Dr Mahathir," katanya.

Bagaimanapun, menurut Anwar, Daim masih mempunyai pengaruh yang besar dalam syarikat itu melalui proksinya, Datuk A.Kadir Jasin yang merupakan Ketua Pengarang Kumpulan NSTP.

Sebelum itu, Hakim Datuk Arifin Jaka menyoal Fernando mengenai kerelevanan keterangan itu dengan pertuduhan yang dihadapi oleh Anwar dan peguam itu menyatakan bahawa ia adalah relevan bagi menunjukkan konspirasi sehingga membawa rekaan pertuduhan terhadap bekas timbalan perdana menteri itu.

Anwar berkata, keterangannya juga adalah untuk "menunjukkan motif Daim".

Daim telah disebut oleh Anwar dalam keterangannya sebelum ini sebagai seorang daripada "kepala konspirator" untuk menjatuhkan beliau.

Menurut Fernando lagi, pembelaan akan memanggil Daim sebagai saksi.

Anwar berkata, Daim juga ada menulis surat kepadanya mengenai beberapa keputusan yang tidak disenanginya termasuk mengkritik kos kilang besi Perwaja yang diluluskan oleh Perdana Menteri sebagai keterlaluan kerana terdapat lebih ratusan juta ringgit daripada kos sepatutnya.

Pada peringkat ini, Arifin menegur pembelaan kerana terlalu banyak memberikan contoh bagi menunjukkan Daim marah kepada Anwar sehingga merancang konspirasi untuk menjatuhkan Anwar.

Bagaimanapun, Fernando berkata perkara itu penting untuk mengukuhkan pembelaan mereka berhubung teori konspirasi.

Anwar berkata Daim juga menyentuh mengenai kelulusan tanah di Kuala Lumpur dan Langkawi yang diberikan kepada Tan Sri Vincent Tan serta projek janakuasa elektrik di Perlis.

Beliau berkata, menurut Daim, saham dalam projek itu sebanyak 60 peratus tidak sepatutnya diberikan kepada kumpulan syarikat YTL.

Anwar berpendapat Daim telah membangkitkan perkara itu kepadanya kerana menteri itu sendiri mahukan projek-projek berkenaan dan memintanya mengemukakan perkara itu kepada Perdana Menteri sehingga menyebabkan Dr Mahathir marah kepada beliau (Anwar) kerana "ini adalah projek-projek kroni yang penting".

Katanya, seperti yang dijangka, Dr Mahathir marah dan menunjukkan perasaan kurang senang setiap kali beliau membangkitkan perkara itu dalam tahun 1995, 1996 dan 1997.

"PM tidak senang dengan keputusan saya dan Kementerian Kewangan melantik juru audit bebas dari Price Water House untuk meneliti disebabkan semua keputusan (berhubung Perwaja) adalah dibuat langsung oleh Perdana Menteri atas cadangan Tan Sri Eric Chia," katanya.

Anwar berkata Dr Mahathir juga memberitahunya bahawa beliau tidak mempunyai bidang kuasa mengenai tanah yang diluluskan kepada Tan.

"Yang Arif, saya katakan dan ramai yang berpendapat Tan Sri Vincent Tan mendapat terlalu banyak kemudahan dan tanah, dan ini dibangkitkan semula oleh Tun Daim kepada saya," katanya.

Fernando kemudian menyoal sama ada Perdana Menteri telah berubah sikap dalam perhubungannya dengan Anwar dan bekas timbalan perdana menteri itu berkata pada ketika itu, ianya tidak ketara "walaupun mungkin tidak semesra sebelumnya".

"Adakah beliau tidak senang dengan Datuk Seri kerana mengemukakan perkara ini kepada beliau?" tanya Fernando.

"Yang Arif, saya sekadar memberi pandangan, saya tidak membantah keputusan Perdana Menteri tetapi saya terpaksa kemukakan pandangan yang saya percaya boleh membantu keputusan yang bersih. Dia (Perdana Menteri) kurang senang kerana pada dia, timbalan perdana menteri atau menteri itu hanya "dongar dan ikut"," kata Anwar dan semua yang berada dalam mahkamah ketawa mendengar Anwar cuba bercakap dalam loghat Negeri Sembilan.

Perbicaraan kemudiannya ditangguhkan sehingga esok selepas Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail meminta izin untuk berbincang dengan pihak pembelaan dan Arifin di kamar hakim berhubung surat Daim yang ingin dikemukakan oleh Fernando kepada mahkamah.

-- BERNAMA
SBB RHM NMO